

20/06/1998

Ketidaktelusan, suku-sakat hanya alasan spekulator

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, ketidaktelusan, korupsi serta kapitalisme suku-sakat yang didakwa diamalkan di negara Asia Tenggara hanyalah alasan oleh spekulator asing untuk menyerang sistem kewangan dan ekonomi negara berkenaan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata sedikit sebanyak ada kebenaran dalam perkara yang dituduh itu, tetapi penyerang (spekulator) juga tidak boleh menafikan serangan ke atas mata wang memberi keuntungan besar kepada mereka.

"Dalam jangka masa yang pendek saja, hanya beberapa jam, keuntungan berjuta-juta dolar boleh didapati melalui dagangan mata wang," katanya ketika menyampaikan ucapan dasar Presiden pada Perhimpunan Agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Menurut Presiden Umno itu, bagi pengurus dana atau bank, dagangan mata wang lebih menarik daripada memberi hutang untuk mendapat faedah dan bank besar di dunia semakin memberi tumpuan kepada kegiatan itu, walaupun ia boleh merosakkan kehidupan orang lain.

"Hari ini mereka perlu alasan untuk menjatuhkan nilai mata wang. Esok alasan tidak akan diperlukan lagi. Asalkan keuntungan yang besar boleh diperolehi, apa saja akan dibuat oleh mereka," katanya.

Dr Mahathir berkata, bank besar di dunia kini sedang membuat persediaan ke arah itu dengan membesarkan keupayaan kewangan mereka melalui cantuman, belian dan sebagainya.

April lalu dua firma gergasi Amerika Syarikat iaitu Citicorp dan Travelers Group mengumumkan percantuman mereka bagi membentuk satu syarikat perkhidmatan kewangan terbesar di dunia.

"Baru-baru ini cantuman dua buah bank gergasi menjadikan dana mereka berjumlah AS\$653 bilion (RM2.61 trilion). Bandingkan ini dengan rizab negara seperti Malaysia yang hanya berjumlah lebih kurang AS\$20 bilion," katanya.

Perdana Menteri berkata, jika bank gergasi seperti itu menjual ringgit umpamanya, negara akan kehilangan semua simpanan dolar jika ringgit cuba dipertahankan.

"Kerana mereka tahu kita tidak dapat mempertahankan ringgit, mereka bermaharajalela," katanya.

Beliau juga mendedahkan bahawa jumlah dana yang dimiliki bank besar di negara maju adalah sebanyak AS\$28 trilion, sementara itu hedge fund pula memiliki AS\$180 bilion.

"Dengan AS\$180 bilion ini penyerang mata wang dibenarkan oleh bank menggunakan 20 kali ganda nilai dana itu untuk dagangan mata wang, iaitu sebanyak AS\$3.6 trilion," katanya.

(END)